

12 JUL 2000

Bakun-Bandar

BANDAR BARU AKAN MUNCUL DI SKIM PENEMPATAN SEMULA BAKUN

Oleh: Edward Stephen Subeng

BELAGA, 12 Julai (Bernama) -- Satu bandar baru sedang dirancang dalam Skim Penempatan Semula Bakun sejauh 37 km dari sini untuk menyediakan pelbagai kemudahan awam secara teratur dan juga peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan.

Dalam temubual eksklusif dengan BERNAMA, pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bakun (BDC) Datuk Dr James Jemut Masing berkata, Lembaga Pemegang Tanah dan Pembangunan (LCDA) akan melaksanakan projek itu dan tapaknya telahpun dikenalpasti.

Beliau berkata dengan adanya lebih kurang 10,000 peserta skim itu, bandar baru itu perlu dalam usaha keseluruhan menjaga kebajikan dan kesejahteraan mereka dan juga merancang pembangunan masa depan kawasan itu.

Secara amnya, kata beliau, ia sama seperti bandar-bandar lain dengan pusat pentadbiran dan komersil tersendiri selain kemudahan asas seperti sekolah-sekolah, hospital dan lain.

Masing juga berkata skim penempatan itu baru-baru ini diisytiharkan sebagai daerah kecil oleh Kerajaan Negeri dan dengan status bandar baru nanti ia akan mempunyai seorang residen dan pasukan kecil polis untuk menjaga keamanan dan ketenteraman.

"Saya yakin yang bandar baru di kawasan penempatan itu akhirnya akan mendapat status daerah penuh berdasarkan kepada aktiviti perladangan di kawasan sekitar dan pelaksanaan semula Projek Hidroelektrik Bakun."

Menurut Masing lagi, apabila jalan Bintulu/Bakun sejauh 125 km bernilai lebih RM300 juta siap pada hujung tahun, ia bukan sahaja akan memudahkan perhubungan bagi penduduk di situ tetapi juga akan memudahkan usaha-usaha membawa masuk jentera berat dan peralatan yang diperlukan bagi projek hidroelektrik itu.

Ditanya sama ada mereka yang ditempatkan di skim itu puas hati dengan kehidupan baru mereka, Masing berkata hanya golongan tua yang mungkin masih tidak begitu selesa dengan persekitaran baru itu.

"Bakun memang menarik bagi golongan muda. Terdapat bekalan elektrik 24 jam yang dibekalkan oleh SESCO (Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak) dan air yang dirawat daripada Jabatan Kerja Raya dan sebuah poliklinik."

"Pelajar-pelajar yang cerdas kini boleh meneruskan pengajian ke peringkat tertinggi tanpa perlu bimbang mengenai biasiswa."

"Sebagai contoh Tabung Amanah Bakun sejak tiga tahun lepas telah menghantar 163 penuntut bagi pengajian peringkat ijazah dan diploma yang sebelum ini sukar difikirkan."

Mengenai potensi pelancongan, Masing yang juga Menteri Negeri bagi Pelancongan berkata, kawasan itu mempunyai sekurang-kurangnya 10 kumpulan kaum pribumi yang berbeza, selain hutan daranya dan tarikan lain yang sedang menunggu untuk diusahakan.

Beliau berkata, penduduk penempatan itu gembira dengan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad baru-baru ini yang Projek Hidroelektrik Bakun akan diteruskan kerana permintaan yang meningkat daripada sektor industri.

"Kepada mereka, pelaksanaan Bakun akan membawa peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang tidak terhad."

Masing juga menyambut baik cadangan kerajaan untuk mengurangkan saiz projek Bakun dan ia kini hanya akan mengeluarkan 500 megawatt.

Projek itu pada asalnya bernilai RM13 bilion, dan akan membanjiri tanah seluas 70,000 hektar dan mempunyai kapasiti untuk menjana 2,400 megawatt.

"Kita boleh meningkatkan keupayaan penjanaan apabila diperlukan dan selain itu tenaga berlebihan boleh juga dijual ke Sabah dan Brunei. Saya bersetuju sepenuhnya dengan langkah menghidupkan semula dan melaksanakan Bakun," kata Masing.

-- BERNAMA.

ESS PR